

04 JUL 2001

Mahathir-Pesara

K'JAAN SEDIA KAJI SEMULA SKIM PENCEN PESARA KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bersedia mengkaji permintaan Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia yang mahu skim pencen untuk mereka ketika ini dikaji semula.

"Saya sedar tentu ada yang boleh lagi diberikan, tapi tak janjilah. Apabila bagi gaji penuh, tentu ramai yang akan berhenti," katanya pada majlis jamuan anjuran persatuan itu di sini, malam ini.

Presiden persatuan Tan Sri Abdullah Ayob dalam ucapan aluannya berkata lebih 60,000 pesara kerajaan ketika ini menerima pencen kurang daripada RM400 sebulan.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menjalankan kajian berhubung kadar pencen di beberapa negara termasuk negara maju dan mendapati sistem pencen di Malaysia adalah lebih baik.

"Baru-baru ini, kerajaan ada memberikan bonus kepada pesara pesara kerajaan. Di zaman dahulu, pencen kadang-kadang terhad hingga 12 tahun sahaja," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata golongan pesara perlu melakukan sesuatu yang berfaedah selepas menamatkan perkhidmatan termasuk menulis buku atau memoir menceritakan pengalaman masing-masing.

"Kalau tidak ada kerja, tolong cari kerja. Jangan renung sangat tentang nasib, nanti cepat tua," katanya dengan nada seloroh.

Katanya walaupun golongan pesara memberi lebih tumpuan kepada persiapan akhirat, ini tidak seharusnya membuatkan mereka terus tidak mementingkan soal kehidupan sehingga menjadi manusia yang begitu lemah.

-- BERNAMA

RZS MAM FAZ